

28 DEC 2002

PELBAGAI PROGRAM SEMPENA ULANG TAHUN KE-100 KELAHIRAN TUNKU

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Arkib Negara akan mengadakan pelbagai program sempena hari ulang tahun ke-100 kelahiran Bapa Kemerdekaan iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra tahun depan.

Ketua Pengarahnya Datuk Habibah Zon berkata bagaimanapun program-programnya masih dalam perbincangan.

Almarhum Tunku Abdul Rahman dilahirkan pada 8 Feb 1903 dan meninggal dunia pada 6 Dis 1990.

Selain itu "Galeria Perdana" yang merupakan bekas kediaman rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, sebelum beliau berpindah ke Putrajaya, akan dibuka kepada orang ramai awal tahun depan selepas siap kerja pengubasuaiannya.

Ini merupakan tambahan satu lagi produk pelancongan negara selain Memorial Tunku Abdul Rahman, katanya kepada Bernama selepas menghadiri majlis hari raya jabatannya di sini hari ini.

Beliau berkata pelbagai program akan turut diatur tahun depan bagi menggalakan orang ramai menggunakan bahan-bahan Arkib Negara sebagai rujukan di samping menarik lebih banyak pelancong asing berkunjung ke situ.

"Kami juga telah merancang untuk mengadakan program yang biasa kami adakan seperti Minggu P.Ramlee dalam bulan Mei atau Jun depan," katanya.

-- BERNAMA

SEJ HK HM